

MAJLIS PENYERAHAN MOTOSIKAL JAGUH KINABALU OLEH EDARAN MODENAS SDN. BHD. (EMOS) KEPADA UMS

Sebagai tuan rumah, kami mengucapkan selamat datang khasnya kepada pihak EMOS, En. Nik Danial selaku *Chief Executive Officer (CEO)*, tuan-tuan dan puan-puan yang baru pertama kali menjejakkan kaki ke kampus baru UMS. Untuk makluman hadirin sekalian, kampus ini mula beroperasi secara rasminya pada bulan Mei lepas, mempunyai keluasan 999 hektar dengan kapasiti pelajar 6,000 orang.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak EMOS yang sudi menaja sebuah Motosikal Jaguh, produk terbaru motosikal berkuasa tinggi negara kepada UMS sempena program Jaguh Kinabalu Universiti Malaysia Sabah.

Objektif Program

Saya difahamkan bahawa antara objektif program ini, adalah untuk memupuk nilai-nilai kerjasama berkumpulan (*teamwork*) dan semangat kekitaan (*esprit de corps*). Selain itu ia bertujuan memantapkan semangat 'Malaysia Boleh' di setiap sanubari para peserta. Rentetan itu juga, saya percaya program ini dapat melambangkan keupayaan universiti sebagai sebuah institusi masyarakat yang unggul, progresif dan terkemuka dalam mengharungi pelbagai cabaran semasa. Ungkapan 'UMS Boleh' sebenarnya juga boleh dicapai menerusi kejayaan ekspedisi pendakian ini bersama Motosikal Jaguh.

Sesungguhnya program ini, merupakan sejarah bagi UMS. Ia bukan sahaja penting pada universiti, malah negara kerana inilah buat pertama kalinya motosikal kebanggaan negara mampu sampai ke puncak gunung tertinggi di Asia Tenggara, Gunung Kinabalu.

Ekspedisi seumpama ini sememangnya amat unik dan berbeza dengan pendakian biasa yang lain. Bukan sahaja tenaga yang perlu digemblengkan sepenuhnya, malah aspek-aspek seperti kerjasama, persefahaman, tolak ansur, dedikasi, komitmen dan ketahanan mental, serta spritual perlu ada di setiap sanubari peserta.

Saya difahamkan, terdapat tiga fasa utama sebelum pendakian mencabar ini dilakukan. Fasa pertama adalah fasa latihan kecergasan bagi menguji, melatih dan membentuk ketahanan fizikal, mental serta *spiritual* para peserta. Manakala fasa kedua pula, merupakan fasa latihan buka dan pasang motosikal bagi menguji kebolehan, kecekapan dan ketangkasan para peserta membuka dan memasang kembali bahagian-bahagian tertentu badan motosikal Jaguh setelah berada di puncak gunung. Sementara itu, fasa ketiga merupakan fasa pelaksanaan aktiviti untuk mencapai misi dan visi ekspedisi pendakian tersebut.

Aktiviti seumpama inilah yang ingin kita wujudkan dalam universiti selaras dengan objektif penubuhan UMS untuk memupuk dan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat, seperti semangat dan budaya bekerjasama, tolong-menolong dan bertoleransi. Nilai ini bukan sahaja perlu diterapkan dalam sanubari para pelajar atau kakitangan universiti semata-mata, malah hubungan di antara pelajar dan kakitangan universiti itu sendiri.

Pengemudi Lepa Sakti

Koleksi Ucapan Naib Canselor UMS

Penganjuran program ini sangat relevan pada masa dan tempatnya. UMS sebagai sebuah universiti ulung di Sabah dan memiliki keindahan gunung tertinggi di Asia Tenggara, seharusnya menjadi *role model* dan jaguh dalam ekspedisi mendaki Gunung Kinabalu. Sebenarnya, sebelum ini memang sudah banyak penganjuran aktiviti pendakian gunung tersebut dilakukan, sama ada dibuat oleh pelajar atau kakitangan. Cuma pada kali ini, bentuk penganjurannya cukup berbeza dan belum pernah atau mungkin tidak terfikir langsung oleh masyarakat, bahawa Motosikal Jaguh mampu menawan puncak Gunung Kinabalu. Insya-Allah, dengan adanya gabungan kerjasama fizikal, mental dan spiritual para pelajar dan kakitangan, UMS akan membuktikan pada masyarakat dan negara bahawa UMS mampu menawan Gunung Kinabalu bersama Motosikal Jaguh.

Akhir kata, sekali lagi diucapkan terima kasih kepada pihak EMOS yang sudi menaja sebuah motosikal bagi merealisasikan impian tersebut. Kepada para peserta, saya mendoakan semoga anda semua selamat pergi dan balik. Semoga anda berjaya dalam mencapai misi dan visi menawan gunung tertinggi di Asia Tenggara bersama motosikal nasional, Motosikal Jaguh.

Ucapan di Majlis Penyerahan Motosikal Jaguh Kinabalu oleh Edaran Modenas Sdn. Bhd (EMOS) kepada UMS pada tahun 2001.